

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI [HULU
SELANGOR]**

SOALAN NO. 96

PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI [HULU SELANGOR] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci inisiatif Kementerian dalam membantu meringankan beban pelajar golongan B40 yang perlu membayar yuran semasa pendaftaran ke universiti awam serta apakah pelan jangka masa panjang Kementerian untuk memberikan pendidikan percuma kepada golongan B40.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Di peringkat pendidikan tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyediakan bantuan secara bersasar terutamanya kepada golongan B40 melalui bantuan kewangan pelajar asasi di universiti awam (UA), bantuan kewangan pelajar matrikulasi, bantuan kewangan kolej komuniti, bantuan kewangan orang kurang upaya, elaun bantuan sara hidup dan biasiswa.

Kerajaan juga telah membiayai lebih 90% daripada kos pendidikan di UA. Secara amnya, pelajar di UA perlu membayar kira-kira 10% daripada kos sebenar program akademik. Yuran bagi pelajar-pelajar prasiswazah (*undergraduate*) ini tidak pernah dinaikkan walaupun kos untuk program berkaitan semakin bertambah setiap tahun.

Manakala, takrifan pelajar miskin yang layak menerima bantuan kebajikan di UA terdiri daripada beberapa kategori iaitu golongan yang mempunyai isi pendapatan rumah/keluarga bawah RM3,000 dan dikategorikan sebagai *Bottom 40* (B40), pelajar yang mengalami masalah kewangan ketika tempoh pengajian, penerima zakat (asnaf, miskin, ghorimin dan fi sibilillah), Orang Kurang Upaya dan muafak yang memerlukan serta pelajar yang memerlukan bantuan kewangan mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak UA. Jumlah pelajar asnaf dan B40 yang terdapat di UA adalah sebanyak 269,756 orang atau 65.89% secara keseluruhannya.

Pihak UA juga telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk menangani isu pelajar di bawah kategori B40 iaitu pembiayaan melalui tabung endowmen/wakaf/zakat/infaq/pinjaman jangka masa pendek dan panjang/Skim Hadiah Pelajaran Bestari dan insentif untuk sara diri. Contohnya Skim Tabung Endowmen Bantuan Pelajar (STEBP) di Universiti Kebangsaan Malaysia, Biasiswa Endowmen Universiti Teknologi Malaysia dan Tabung Amanah Endowmen Universiti Malaysia Pahang. Pihak UA juga menawarkan skim khairat kematian dalam membantu meringankan dan memudahkan urusan pengebumian pelajar/ahli keluarga yang terlibat. Kemudahan biasiswa dan pinjaman oleh UA diberikan kepada golongan pelajar asnaf dan B40 serta pengurangan atau pengecualian yuran diberikan kepada pelajar yang memerlukan.

KPM juga bekerjasama dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) melalui program Dermasiswa *My Brighter Future* (MyBF) dengan mengenal pasti calon yang layak dari pangkalan *UPUonline* untuk ditawarkan dermasiswa MyBF sebelum mereka mendaftar di institusi pendidikan tinggi (IPT) pilihan mereka. Selain KPM, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui Program Dermasiswa B40 turut memberikan dermasiswa kepada pelajar dari golongan B40 yang sedang mengikuti pengajian peringkat diploma dan sijil profesional di UA, politeknik serta IPT lain.